



CALON BARISAN DIJULANG PENYOKONG

CALON Barisan Nasional kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Kemumin, Encik Umar Ibrahim, cuba dijulang oleh penyokong-penyokongnya sebaik sahaja beliau diisytiharkan memenangi pilihanraya kecil itu, malam kelmarin.

Beliau memperolehi majoriti 662 undi mengalahkan calon Pas dan Hamim. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negera Malaysia

Tahniah PM kepada calon BN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengutus kawat tahniah kepada calon-calon Barisan Nasional yang menang dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Seling dan Kemumin.

Dalam kawatnya yang ditujukan kepada Menteri Besar Datuk Haji Mohamed Yacob, beliau yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua penyokong dan jentera parti yang bekerja kuat bagi mencapai kemenangan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam juga menghantar kawat tahniah kepada Ketua Perhubungan Umno Kelantan dan Pengerusi BN Negeri, Tengku Razaleigh Hamzah di atas kemenangan calon-calon BN itu.

Dalam kawatnya, Datuk Musa yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, kemenangan kedua-dua calon BN itu membuktikan bahawa rakyat Kelantan mempunyai penuh keyakinan dan kepercayaan kepada Barisan Nasional di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada calon BN Kemumin, Haji Umar Ibrahim dan calon Seling, Wan Mohamad Wan Abu Bakar.

Katanya, sesungguhnya parti lawan mempunyai pengaruh yang agak kuat di kedua-dua kawasan itu, namun rakyat telah

menunjukkan kebijaksanaan mereka dengan memilih Barisan Nasional.

"Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pengundi-pengundi, penyokong-penyokong dan jentera parti yang telah menayakan kemenangan Barisan Nasional itu," ujarnya.

Dalam pilihannya itu, calon BN di Kemumin, Haji Umar Ibrahim mengalahkan calon Pas, Haji Che Hassan Ishak dan calon Hamim, Encik Mohd Shukri Abdul Rahman dengan kelebihan 662 undi.

Beliau memperolehi 4,387 undi, Haji Che Hassan 3,737 undi dan Encik Mohd Shukri 159 undi dan hilang wang pertaruhan.

Di Seling, calon BN, Wan Mohamad Wan Abu Bakar menang dengan kelebihan 2,514 undi setelah memperolehi 5,734 undi mengalahkan calon Pas, Encik Abdul Rahman Haji Ahmad (3,229 undi) dan calon Hamim, Haji Mohamad Nawi Awang (161 undi) yang juga hilang wang pertaruhan.

Dengan kemenangan itu, Barisan Nasional kini menguasai 28 buah kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan yang mempunyai sejumlah 36 kerusi berbanding dengan Pas yang merosot kepada lima kerusi. Tiga kerusi lagi diwakil oleh Hamim.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Haji Mohamed Yacob berkata, kemenangan Barisan Nasional itu menguatkan lagi azam Kerajaan Negeri untuk meningkatkan usaha pembangunan dari segi rohani dan jasmani.